

## Gelandangan Bekas Banduan: Suatu Perbincangan Tentang Faktor dan Kesan Bergelandangan Serta Langkah Intervensi

*(Homeless Former Prisoners: A discussion of the Factors and Effects of Homelessness and Intervention Measures)*

Mohd Alif Jasni<sup>1\*</sup>, Nazirah Hassan<sup>2</sup>, Fauziah Ibrahim<sup>3</sup>, Mohammad Rahim Kamaluddin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia;  
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;  
Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;  
Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: [mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [nazirah@ukm.edu.my](mailto:nazirah@ukm.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [ifauziah@ukm.edu.my](mailto:ifauziah@ukm.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [rahimk@ukm.edu.my](mailto:rahimk@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Mohd Alif Jasni  
([mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Gelandangan Bekas Banduan  
Faktor-faktor  
Kesan dan langkah intervensi

#### KEYWORDS:

Homeless Former Prisoners  
Factors  
Effects and intervention  
measures

#### CITATION:

Mohd Alif Jasni et al. (2022). Gelandangan Bekas Banduan: Suatu Perbincangan Tentang Faktor dan Kesan Bergelandangan Serta Langkah Intervensi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001679.

Setiap negara di dunia mengalami isu yang sama di mana bekas banduan yang dibebaskan penjara mengalami kegagalan dalam proses berintegrasi semula sepanjang dibebaskan sehingga berakhir menjadi gelandangan. Keadaan ini membuatkan perbincangan kertas konsep ini amat penting untuk dilakukan bagi meneroka faktor yang mendorong bekas banduan menjadi gelandangan di jalanan serta kesan yang wujud disebabkan oleh keadaan hidup di jalanan ini. Perbincangan ini bertujuan untuk menggambarkan bahawa isu ini merupakan perkara serius yang perlu diberikan perhatian oleh pelbagai pihak berkepentingan bagi membantu golongan ini keluar daripada kitaran gelandangan agar mereka juga berupaya menikmati kehidupan sosial yang berkualiti dan menjadi insan yang produktif. Sebuah kertas konsep yang dilakukan dengan meneliti faktor-faktor risiko gelandangan, kesan yang berlaku disebabkan cabaran yang dihadapi, dan cadangan langkah intervensi yang diperkenalkan. Harapan kertas konsep ini dalam mendapat gambaran tentang gelandangan bekas banduan ini sebagai komuniti rentan. Pemahaman komuniti dapat membantu dalam mengisi

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1679>

kelompokan yang wujud. Malahan, kertas konsep sebegini dapat menyumbang kepada diskusi perbincangan secara akademik terhadap gelandangan bekas banduan sebagai komuniti rentan yang dikaji.

### ABSTRACT

Every country in the world experiences the same issue where former prisoners who are released from prison experience failure in the process of reintegration throughout their release and end up being homeless. This situation makes the discussion of this concept paper very important to explore the factors that drive former prisoners to become homeless on the streets as well as the effects that exist due to living conditions on the streets. This discussion aims to illustrate that this issue is a serious matter that needs to be given attention by various stakeholders to help this group get out of the cycle of homelessness so that they can also enjoy a quality social life and become productive people. A concept paper that is done by examining the risk factors of homelessness, the effects that occur due to the challenges faced, and the proposed intervention measures that are introduced. The hope of this concept paper is to get an idea of the homeless former prisoners as a vulnerable community. Community understanding can help fill the void that exists. In fact, this kind of concept paper can contribute to the academic discussion of homeless former prisoners as a vulnerable community being studied.

**Sumbangan/Keaslian:** Kertas konsep ini menyumbang kepada kajian literatur sedia ada apabila hadir dengan lensa yang lebih autentik apabila membincangkan pula tentang kesan kehidupan bergelandangan dan intervensi yang boleh dilakukan dalam membantu golongan gelandangan bekas banduan ini. Kertas konsep sebegini diharapkan memberi ilham buat pengkaji-pengkaji seterusnya untuk mempergiatkan lagi usaha dalam meneroka dan membuat kajian tentang gelandangan bekas banduan dari pelbagai sudut disiplin seperti kerja sosial, ekonomi, psikologi, kaunselling, pembangunan komuniti, sosiologi dan sebagainya. Ia dapat memberi impak yang besar kepada pengetahuan ilmu apabila isu gelandangan bekas banduan dapat diterokai dengan lebih meluas lagi.

## 1. Pengenalan

Pada realitinya, tempat tinggal iaitu rumah merupakan satu keperluan asas untuk seseorang membina sebuah kehidupan yang berjaya namun hasrat ini selalunya tidak dapat dicapai oleh individu yang mempunyai rekod jenayah dan pernah dipenjarakan dimana mereka dianggap sebagai bekas banduan. Kegagalan bekas banduan untuk mendapatkan tempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara menyebabkan ramai di antara mereka yang berakhir hidup menjadi gelandangan. Fenomena ini bukanlah suatu perkara asing untuk didengari memandangkan ianya merupakan antara isu global yang berlaku hampir di kebanyakan negara tidak mengira status membangun ataupun maju. Dapat disaksikan golongan sebegini mempunyai peratusan yang tinggi untuk menjadi gelandangan selepas dibebaskan berbanding dengan individu lain. Misalnya ianya dibuktikan berdasarkan sebuah laporan daripada "*Prison Policy Initiative, Nowhere to*

Go” yang telah dilaksanakan di Amerika Syarikat didapati orang yang mempunyai rekod pernah dipenjarakan hampir 10 kali berkemungkinan kehilangan tempat tinggal berbanding orang awam iaitu bagi individu yang pernah dipenjarakan kadar kehilangan tempat tinggal dianggarkan sebanyak 203 bagi setiap 10,000 orang (Couloute, 2018). Hasil dapatan data daripada tinjauan Statistik Biro Keadilan mendapati golongan wanita yang pernah dipenjarakan berkemungkinan tinggi menjadi gelandangan dengan kadar 264 setiap 10,000 orang berbanding dengan golongan lelaki dengan kadar 195 setiap 10,000 orang. Malahan bekas banduan yang telah dipenjarakan lebih daripada sekali mempunyai peratusan tinggi kehilangan tempat tinggal iaitu 279 setiap 10,000 orang berbanding dengan bekas banduan yang dipenjarakan hanya sekali iaitu 141 setiap 10,000 orang (National Low Income Housing Coalition, 2018). Keadaan ini merupakan suatu yang membimbangkan apabila bekas banduan ini terbukti lebih cenderung menjadi gelandangan selepas dibebaskan dari penjara. Hal ini membuktikan pemulihan di dalam penjara yang dilalui tidak mampu memberi jaminan golongan bekas banduan untuk melalui proses integrasi semula yang berjaya.

Dalam konteks negara membangun Malaysia, menurut Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2017, jumlah bilangan banduan sabitan iaitu banduan yang pernah dipenjarakan dan telah disabitkan dengan pelbagai kesalahan misalnya penagihan dadah, merogol, pemerdagangan orang, samun, membunuh dan sebagainya merekodkan paling tinggi di negeri Selangor dan Kuala Lumpur berbanding dengan negeri lain iaitu merangkumi 9,054 banduan dalam kalangan lelaki dan 1,131 banduan dalam kalangan wanita (Hamidah, 2018). Dapat dikatakan majoriti bekas banduan yang tidak mempunyai hala tuju selepas dibebaskan akan memilih untuk meneruskan kehidupan di lokasi bandar-bandar besar terutamanya bandar metropolitan Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh pelbagai sebab. Penumpuan gelandangan bekas banduan di jalanan kawasan ibu negara ini adalah kerana golongan bekas banduan beranggapan kepelbagaian ekonomi di bandar akan membolehkan mereka mendapatkan peluang pekerjaan. Namun, diskriminasi majikan dan masyarakat yang memandang serong akan individu berstatus bekas banduan telah mewujudkan stigma negatif yang menyebabkan mereka berakhir hidup menjadi gelandangan di jalanan. Selain itu, golongan bekas banduan ini sering kali dijumpai di jalanan bandar-bandar besar disebabkan terdapat ramai individu yang senasib dengan mereka dimana ianya telah menjadi faktor penarik bagi golongan bekas banduan untuk bertumpu bersama.

Pada asasnya, didapati terdapat kekurangan dalam penyelidikan sebelum ini yang tidak menyeluruh dengan skop yang sangat kecil tidak menekankan tentang faktor cabaran dan masalah kehidupan yang harus dilalui oleh bekas banduan yang berakhir hidup menjadi gelandangan di jalanan. Hal ini berpunca daripada kajian lepas yang telah mengabaikan dan terlepas pandang mengenai kepentingan seorang bekas banduan memperoleh kesejahteraan dan kualiti sosial yang seimbang lalu ianya telah menjadi penghalang yang menggagalkan mereka untuk menikmati sebuah kehidupan integrasi semula yang bermakna. Hal ini kerana kebanyakan kajian-kajian tempat dan luar negara yang banyak memfokuskan kajian kepada faktor kepada bergelandangan dalam kalangan bekas banduan ini. Maka, dengan itu, sumbangan utama kertas konsep ini adalah untuk memperbanyakkan lagi perbincangan ke atas golongan gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian di arena tempatan. Oleh itu, menerusi kertas konsep ini, penulis akan meneroka faktor-faktor yang mengakibatkan bekas banduan ini berkemungkinan tinggi untuk menjadi gelandangan di jalanan, menyelami kesan ke atas kehidupan fizikal dan emosi mereka malahan mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi membendung masalah ini daripada berlarutan. Sekiranya, isu

ini dapat diselesaikan, maka ianya bukan sahaja akan mengurangkan beban bekas banduan itu yang setiap hari terpaksa berjuang untuk meneruskan kehidupan, malahan ianya juga dapat membantu golongan ini keluar daripada kitaran gelandangan sekaligus berupaya menurunkan kadar jenayah berulang membabitkan golongan gelandangan bekas banduan di jalanan. Maka, dengan itu, adalah penting untuk kertas konsep untuk meneruskan perbincangan dengan memahami terlebih dahulu konsep gelandangan bekas banduan. Perbincangan seterusnya akan memfokuskan kepada pemahaman tentang gelandangan bekas banduan sebagai konsep utama di dalam kertas konsep ini.

## 2. Memahami konsep gelandangan bekas banduan

Gelandangan melalui perspektif konseptual merujuk kepada seseorang individu yang tiada pekerjaan mahupun tempat tinggal yang tetap. Selain itu, dapat ditakrifkan gelandangan ini sebagai sebuah komuniti yang majoritinya terdiri daripada golongan orang yang berisiko tinggi tidak mempunyai tempat tinggal sendiri iaitu rumah yang stabil dan didapati mereka ini menghabiskan sisa kehidupan dengan tidur di jalanan (Ramli & Dawood, 2017). Gelandangan ini dapat dirujuk menerusi tiga kategori iaitu pertama gelandangan primer yang merujuk kepada individu yang tidak mempunyai rumah dan menetap di jalanan, kedua, adalah gelandangan sekunder iaitu individu yang bergerak di antara tempat perlindungan sementara termasuklah menetap di rumah keluarga, rakan, atau penginapan sementara, manakala ketiga diwakili oleh gelandangan tertier iaitu individu yang menetap di bilik sewa yang mempunyai suasana persekitaran tempat tinggalnya adalah kurang kondusif dengan tahap keselamatan yang rendah.

Di samping itu, dapat dikemukakan bahawa gelandangan merupakan kelompok masyarakat yang tidak mempunyai tempat tinggal iaitu rumah dan pada kebiasaannya mereka akan menetap di bandar-bandar besar sekitar Kuala Lumpur (Yap, 2020). Malahan gelandangan juga merujuk kepada orang yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai dengan norma-norma kehidupan masyarakat serta tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap di wilayah tertentu dan juga hidup secara nomad di tempat umum (Sharifah Mariam & Alifatul, 2012). Manakala menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula mendefinisikan golongan gelandangan ini sebagai kategori orang papa. JKM mendefinisikan orang papa yang dirujuk sebagai seseorang yang didapati mengemis di sesebuah kawasan tempat terbuka atau tempat awam hingga menyebabkan kegusaran dan kebimbangan kepada orang awam yang mengunjungi tempat tersebut ataupun sehingga mengakibatkan situasi menjadi huru-hara dan kacau atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada atau tidak mengemis, yang tidak mempunyai sumber pendapatan pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan baik (Ramli & Dawood, 2017).

Selain itu, konsep seterusnya yang perlu ditakrifkan juga adalah bekas banduan. Hal ini kerana fokus utama adalah memahami gelandangan bekas banduan sebagai suatu konsep besar yang perlu diperjelaskan. Gelandangan bekas banduan ini hadir daripada dua konsep berbeza iaitu gelandangan dan bekas banduan. Maka dengan itu, penting buat kertas konsep untuk mentakrifkan juga tentang maksud bekas banduan. Secara umumnya, pentakrifan bekas banduan merujuk kepada individu yang telah dibebaskan daripada penjara dan mempunyai rekod pemenjaraan (Mohd Alif et al., 2021a). Bekas banduan merupakan istilah yang digelar kepada mana-mana individu yang pernah dipenjarakan, disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman kerana didapati bersalah melakukan apa-apa jenayah yang melanggar peraturan undang-undang. Selain itu,

menerusi kajian lepas yang dilaksanakan oleh [Mohd Alif et al. \(2021b\)](#) memberikan pandangan menerusi perspektif ekologi berpendapat bahawa bekas banduan ini dikategorikan sebagai sebuah komuniti rentan yang berkemungkinan tinggi terdedah dengan pelbagai cabaran kehidupan dan perlu melalui pelbagai keterbatasan selepas dibebaskan daripada penjara.

Oleh itu, definisi operasional bagi istilah gelandangan bekas banduan merujuk kepada golongan yang mempunyai rekod pemenjaraan yang berakhir sebagai gelandangan disebabkan oleh kegagalan berintegrasi semula. Gelandangan bekas banduan ini didapati akan meneruskan kehidupan di jalanan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kehilangan tempat tinggal, tidak diterima ahli keluarga, ketagihan dadah, pengangguran dan kemiskinan. Kehidupan ini gelandangan bekas banduan ini penuh dengan kesukaran. Keadaan ini membuatkan penulis meneruskan perbincangan kepada senario gelandangan bekas banduan yang wujud ini. Pemahaman tentang senario ini untuk memahami dengan lebih lanjut tentang gelandangan bekas banduan ini. Mereka sebagai antara kumpulan komuniti yang rentan yang hidup di jalanan dan perlu difahami dengan segera.

### **3. Senario Gelandangan Bekas Banduan**

Pada asasnya dapat dijelaskan bahawa didapati gelandangan bekas banduan ini hidup secara merempat kerana mereka tidak mempunyai hala tuju lalu memilih untuk menetap di lorong jalanan merupakan langkah terakhir mereka bagi meneruskan kehidupan. Tambahan pula, dapat disaksikan bekas banduan yang berakhir menjadi gelandangan ini akan mempunyai pelbagai masalah susulan kerana mereka tidak memiliki keperluan asas yang sempurna malahan kesempitan hidup di jalanan dengan persekitaran suasana yang tidak kondusif diikuti tahap keselamatan yang rendah telah mengakibatkan mereka berpotensi tinggi mengalami tekanan yang tinggi berbanding orang awam. Topik gelandangan ini bukanlah suatu isu baharu dimana ianya bukan sahaja berlaku di negara membangun seperti Malaysia tetapi ianya merupakan masalah global yang turut dihadapi oleh negara yang mencapai status maju misalnya Jerman, United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis, Jepun dan Itali malahan negara makmur seperti Kanada, Norway, New Zealand, Switzerland, dan Finland juga tidak dinafikan menghadapi isu yang sama ([Berawi & Ismail, 2019](#)). Didapati isu ini perlulah dipandang serius berikutan terdapat pelbagai masalah yang mendorong bekas banduan ini membuat pilihan dengan meneruskan kehidupan di jalanan dan akhirnya menjadi sebahagian daripada golongan gelandangan.

Dalam konteks negara maju, pada tahun 2018, sejumlah 320,000 orang telah direkodkan sebagai gelandangan di sebuah negara makmur iaitu Britain dimana ianya menunjukkan trend peningkatan sebanyak 13,000 berbanding tahun 2017 yang bersamaan dengan 36 orang baharu menjadi gelandangan setiap hari ([Bowpitt, 2019](#)). Situasi ini menunjukkan bahawa setiap 200 orang di Britain telah kehilangan tempat tidur dan mereka tidur di jalanan. Malahan tinjauan yang diterbitkan oleh Kementerian kehakiman pada tahun 2012, mengemukakan sebanyak 15 peratus banduan dilaporkan kehilangan tempat tinggal apabila mereka dijatuhkan hukuman, 9 peratus akan tidur di jalanan, dan ketika dibebaskan 37 peratus bekas banduan dilaporkan tiada tempat tinggal ([Bowpitt, 2019](#)). Justeru itu, bilangan angka ini amat membimbangkan memandangkan dua pertiga daripada golongan banduan yang menjadi gelandangan pastinya akan melakukan kesalahan semula dalam tempoh setahun selepas dibebaskan. Seterusnya, sebuah kajian turut dilaksanakan oleh Leiden University di Belanda di mana

tempat tinggal adalah salah satu keperluan asas yang sangat penting untuk banduan membina semula kehidupan mereka (Driesche, 2020). Walau bagaimanapun, ketiadaan tempat menyebabkan mereka sukar memohon pekerjaan lalu sekiranya mereka tidak berjaya membina semula kehidupan maka mereka cenderung melakukan kesalahan semula. Hasil penyelidikan yang dilakukan juga menunjukkan bekas banduan berpotensi kehilangan tempat tinggal lebih kerap misalnya tiga puluh dua peratus telah kehilangan tempat tinggal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh penyelidikan dimana golongan ini akan terdedah untuk menjadi gelandangan pada bila-bila masa (Driesche, 2020).

Di samping itu, suatu kajian terbesar telah dilaksanakan oleh University Melbourne, Australia hasil daripada sesi temu bual dengan 1,300 orang banduan yang ditempatkan di Queensland semasa dipenjarakan dan sekali lagi tiga dan enam bulan selepas dibebaskan telah dilaksanakan bagi mencari jawapan mengenai mengapa mereka berisiko tinggi menjadi gelandangan (Hunt, 2014). Hasil kajian mendapati kebanyakan bekas banduan menganggur atau kehilangan tempat tinggal dalam tempoh enam bulan selepas dibebaskan, malahan lebih teruknya bagi mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental. Golongan ini didapati mengalami pelbagai masalah kesihatan dan sosial yang tidak baik merentasi banyak domain yang berbeza dimana ianya merupakan antara penyelidikan pertama yang mempamerkan hasil melangkaui jangkaan hayat dan kadar pengulangan semula bekas banduan. Selain itu, kajian tersebut turut menyatakan aspek perumahan yang tidak stabil dan kehilangan tempat tinggal, kadar pengangguran yang tinggi, malahan pelbagai masalah kesihatan adalah perkara biasa yang berlaku dalam kalangan bekas banduan yang mengakibatkan mereka menjadi gelandangan (Hunt, 2014).

Dapat disaksikan dalam konteks negara membangun Malaysia, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said iaitu Timbalan Menteri dalam negeri mengemukakan pernyataan berdasarkan statistik terkini yang direkodkan oleh Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa bermula dari tahun 2011 sehingga 1 Oktober tahun 2021 jumlah bilangan golongan bekas banduan yang telah tamat hukuman dan dibebaskan adalah seramai 19,940,579 orang banduan (Hussain, 2021). Selain itu, menerusi maklumat Jabatan Penjara di seluruh negara dianggarkan seramai 69,000 banduan telah ditempatkan dalam fasiliti tahanan dimana dipenjarakan atas kesalahan dadah membabitkan kira-kira 36,000 banduan. Di penjara Kajang, Selangor dianggarkan 300 orang banduan akan dibebaskan pada setiap minggu dan laporan eksklusif daripada Berita Harian mendedahkan Kawasan Bandar Kajang, Puduraya dan Chow Kit yang terletak di daerah ibu kota metropolitan Kuala Lumpur sering dijadikan lokasi utama tempat tinggal hampir 90 peratus golongan bekas banduan tersebut bagi meneruskan kehidupan walaupun menjadi gelandangan (Rosli, 2019a). Situasi ini menggambarkan bahawa di bandar-bandar besar bilangan gelandangan bekas banduan yang tinggal di jalanan adalah lebih banyak berbanding dengan kawasan luar bandar.

Menerusi kertas konsep ini dapat dikemukakan bahawa kehilangan arah atau lebih tepatnya ketiadaan tempat untuk dituju selepas dibebaskan daripada penjara merupakan masalah utama yang berlaku pada kebanyakan bekas banduan yang menjadi gelandangan. Didapati pihak pengurusan penjara akan menghantar bekas banduan ke bandar Kajang dengan mengharapkan mereka dapat menggunakan pengangkutan awam untuk pulang ke rumah Kembali ke pangkuan keluarga, tetapi sebaliknya telah berlaku apabila tiada sesiapa yang datang menjemput mereka lalu mengakibatkan kebanyakan daripada mereka hilang arah tuju. Ini dibuktikan menurut laporan daripada berita Harian mengemukakan dianggarkan secara puratanya seramai 200 sehingga 300 bekas

banduan akan dibebaskan dalam tempoh seminggu di mana ahli keluarga yang datang menjemput bekas banduan adalah melingkungi 5 hingga 10 peratus sahaja manakala sebahagian besarnya terpaksa membawa haluan sendiri (Rosli, 2019b). Justeru itu, permasalahan tiada tempat dituju mengakibatkan ketiga-tiga lokasi berkenaan menjadi pilihan utama golongan bekas banduan sebagai tempat menetap memandangkan terdapat ramai golongan bekas banduan senasib mereka ini mengakibatkan mereka berakhir menjadi gelandangan untuk selama-lamanya sehingga meninggal dunia.

Kewujudan permasalahan kehilangan hala tuju dalam kalangan gelandangan bekas banduan ini adalah berpunca daripada kegagalan ahli keluarga yang tidak datang menjemput apabila mereka dibebaskan. Dapat dijelaskan bahawa situasi ini terjadi disebabkan oleh beberapa keadaan misalnya sebilangan golongan banduan itu sendiri ingin merahsiakan dan enggan memberitahu kepada sesiapa mengenai tarikh pembebasan. Seterusnya, bekas banduan yang berputus asa untuk berhadapan dengan kalangan masyarakat disebabkan oleh kehilangan kepercayaan diikuti dengan perasaan malu telah mengakibatkan ada di antara mereka memilih untuk menjadi gelandangan dengan alasan tidak mahu menyusahkan keluarga malahan lebih seriusnya terdapat bekas banduan yang merahsiakan perkara ini sehingga waris atau ahli keluarganya tidak mengetahui tentang keberadaan mereka di dalam penjara (Rosli, 2019a). Justeru itu, ketiadaan penggubalan undang-undang khusus yang mewajibkan waris atau ahli keluarga terdekat mengambil bekas banduan yang dibebaskan daripada penjara menyebabkan masalah ini tidak dapat diselesaikan.

Dapat dikatakan kehidupan seorang bekas banduan apabila dibebaskan adalah diibaratkan seperti melangkah ke penjara kedua susulan kerana mereka menghadapi diskriminasi daripada kalangan masyarakat dan majikan yang memandang serong terhadap mereka. Masalah ini sememangnya wujud di Malaysia misalnya bekas banduan berkategori bekas penagih dadah telah didiskriminasikan dimana mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan kemudahan di Pusat Transit Gelandangan dan Anjung Singgah iaitu merupakan sebuah pusat khidmat bantuan sosial yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa bermatlamat membantu golongan gelandangan (Rosli, 2019b) lalu penyisihan ini telah mengakibatkan mereka terpaksa hidup secara merempat di bawah jejambat, lorong belakang bangunan, dan kaki lima jalanan. Situasi yang melarang golongan bekas banduan memanfaatkan dua kemudahan berkenaan adalah atas alasan kebimbangan pihak pengurusan terhadap bekas banduan yang mempunyai penyakit HIV terutamanya yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah (Rosli, 2019b).

Dalam melaksanakan kertas konsep ini, beberapa kajian lepas berkaitan isu ini yang telah meneroka faktor mempengaruhi bekas banduan menjadi gelandangan: Kajian kes di Kuala Lumpur dan kehidupan gelandangan bekas banduan dari perspektif ekologi: kajian kes di Chow Kit, Kuala Lumpur (Mohd Alif et al., 2021b) telah dijadikan panduan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman berkaitan isu kajian. Tambahan pula, beberapa artikel dan akhbar yang mengulas mengenai isu ini turut diaplikasikan sebagai pemerolehan maklumat bagi menjalankan kajian ini. Walaupun beberapa kajian telah dilaksanakan, namun kajian ini akan menekankan tentang pentingnya untuk meningkatkan tahap kesejahteraan dan kualiti sosial dalam kalangan bekas banduan dimana aspek ini sering kali dipandang remeh dan diabaikan oleh kebanyakan pihak. Oleh itu, diharapkan agar kajian ini berupaya untuk membuka minda pelbagai pihak untuk membantu golongan ini supaya mereka berpeluang untuk menikmati kehidupan bermakna yang seimbang seperti komuniti lain.

#### **4. Faktor Yang Mendorong Golongan Bekas Banduan Berakhir Menjadi Gelandangan di Jalanan**

Tidak dapat dinafikan bahawa perjalanan kehidupan golongan bekas banduan ini selepas dibebaskan bukanlah sesuatu yang mudah, kerana mereka diibaratkan melangkah ke penjara kedua hanya disebabkan oleh rekod jenayah yang dipegang. Selain itu, bagi banduan yang telah menghabiskan masa menjalani tempoh hukuman yang lama di dalam penjara, kebanyakan mereka juga telah mengalami kejutan perubahan dunia luar sejeurus selepas keluar dari tirai besi yang dianggap sebagai rumah bagi mereka (Affandi, 2020). Berikutan itu, dapat dilihat situasi di Malaysia, bekas banduan yang gagal mengintegrasikan diri semula dengan komuniti masyarakat telah menyebabkan mereka sering dipinggirkan dan diskriminasi, dimana ianya merupakan cabaran utama yang berkemungkinan tinggi menyebabkan bekas banduan terjerumus dalam kehidupan gelandangan dan terlibat dalam aktiviti pengulangan jenayah (Mohd Alif et al., 2021c). Oleh itu, hasil penerokaan para penulis mendapati terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong golongan bekas banduan ini berakhir hidup menjadi gelandangan di jalanan merangkumi pelbagai faktor peribadi, ekonomi dan sosial yang telah dikategorikan dan dibincangkan seperti berikut:

##### **4.1. Faktor Peribadi**

Terdapat beberapa faktor peribadi bekas banduan juga adalah pendorong yang mengakibatkan mereka berakhir menjadi gelandangan. Penulis melampirkan seperti berikut:

###### *4.1.1. Ketiadaan tempat tinggal*

Pada realitinya, mempunyai akses kepada tempat perlindungan atau rumah merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan kejayaan peralihan dan integrasi semula bekas banduan ke dalam masyarakat selepas dibebaskan. Secara asasnya, tempat perlindungan dan rumah yang stabil berfungsi sebagai tempat yang selamat bagi membolehkan bekas banduan menguruskan keperluan sosial, psikologi dan perubatan, serta ekonomi mereka secara seimbang dimana ianya berupaya menjamin proses penyepaduan semula bekas banduan dengan komuniti masyarakat (Mohd Alif, 2019a). Di samping itu, memiliki rumah juga berupaya mewujudkan persekitaran yang membolehkan mereka menjalankan rutin harian dengan selamat malahan membina rangkaian sosial yang positif dalam menjamin kemapanan pengintegrasian mereka dengan masyarakat. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak memihak kepada mereka memandangkan untuk mengekalkan rumah yang stabil merupakan cabaran terbesar yang perlu ditanggung oleh kebanyakan bekas banduan.

Misalnya, dapat dilihat bekas banduan seringkali menjadi penganggur di mana mereka sukar untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja sedia ada malahan tempoh pemenjaraan yang lama telah mengakibatkan hubungan kekeluargaan menjadi keruh dimana ianya menyumbang kepada kehilangan tempat tinggal. Selain itu, mereka juga berkemungkinan tinggi terdedah kepada diskriminasi oleh pemilik harta yang menyekat dan menghalang mereka untuk mendapatkan unit rumah. Dapat dikatakan ketiadaan tempat tinggal ini juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan kadar sewaan rumah yang mahal malahan ketiadaan pekerjaan dan sumber pendapatan berupaya memberi masalah kepada mereka untuk menyewa rumah terutamanya di kawasan bandar yang semestinya memerlukan kos sara hidup yang tinggi. Situasi ketiadaan tempat tinggal ini

menunjukkan perkaitan dengan kadar sewa yang mahal misalnya di bandar Georgetown, Pulau Pinang didapati kadar sewaan setiap rumah ataupun bilik adalah mahal sehingga membebankan sesetengah individu kerana tidak berkemampuan untuk menyewa malahan membeli rumah (Ramli & Dawood, 2017). Oleh itu, faktor ketiadaan rumah ini telah memaksa golongan bekas banduan ini memilih menjadi gelandangan yang tinggal di jalanan sebagai langkah terakhir.

#### *4.1.2. Penolakan ahli keluarga*

Apabila dibebaskan hubungan kekeluargaan yang berkualiti memainkan peranan yang amat penting sebagai sokongan dalam membantu aspek pemulihan seseorang bekas banduan dimana ianya menjadi penentu kepada kejayaan bekas banduan untuk beralih atau mengintegrasikan semula dalam kalangan komuniti masyarakat selepas dibebaskan. Tidak dapat dinafikan juga bahawa ahli keluarga adalah golongan terdekat yang menjadi sumber kewangan dan menyumbang psikologi dalam membantu bekas banduan membina kehidupan mereka semula (Mohd Alif et al, 2019a). Walau bagaimanapun, penolakan ahli keluarga yang tidak mahu menerima kehadiran bekas banduan dalam keluarga mereka telah menyebabkan hubungan kekeluargaan itu telah merosot dan tidak lagi berfungsi lalu bekas banduan berkemungkinan kehilangan sokongan daripada keluarga dimana ianya akan memberi kesan signifikan yang berupaya mempengaruhi proses penyepaduan semula dalam kalangan masyarakat dan menggagalkan mereka untuk memiliki tempat perlindungan atau rumah (Mohd Alif, et al, 2019a). Ini telah menjadi faktor utama yang menempatkan bekas banduan berisiko tinggi untuk berakhir sebagai gelandangan.

Berdasarkan situasi di Malaysia, secara puratanya banduan yang dibebaskan adalah seramai 200 hingga 300 banduan dalam seminggu, namun dapat dilihat daripada jumlah tersebut dianggarkan hanya lima hingga sepuluh peratus sahaja bekas banduan yang dibebaskan diterima kembali ke pangkuan keluarga dimana selebihnya terpaksa membawa haluan sendiri (Rosli, 2019a). Didapati penolakan ini terjadi susulan kerana ahli keluarga malu dan kecewa dengan status bekas banduan sehinggakan mereka tidak menghiraukan darah daging sendiri di mana situasi ini menggambarkan sikap ahli keluarga itu sendiri yang gagal memberikan kepercayaan dan peluang kedua kepada bekas banduan. Selain itu, ada di kalangan banduan yang enggan mendedahkan tarikh kebebasan kerana tidak mahu menyusahkan keluarga, ketiadaan ahli keluarga, malahan ada juga waris yang tidak mengetahui keberadaan mereka di dalam penjara ini menyebabkan kebanyakannya memilih menjadi gelandangan di bandar Chow Kit, Kajang dan Puduraya selepas gagal kembali ke pangkuan keluarga (Rosli, 2019b). Dengan demikian, kehidupan bekas banduan yang tiada hala tuju dan terumbang ambing serta kehilangan rumah dan tempat bergantung disebabkan faktor penolakan ahli keluarga ini telah mendorong bekas banduan membuat keputusan menjadi gelandangan di jalanan.

#### *4.1.3. Penyalahgunaan dadah dan alkohol*

Jelasnya keterlibatan semula bekas banduan dengan ketagihan dadah dan alkohol juga merupakan antara faktor risiko paling utama bermulanya episod pertama yang mendorong mereka berakhir menjadi gelandangan di jalanan. Difahamkan bahawa perjalanan kehidupan seorang bekas banduan adalah sangat mencabar, membebankan dan menyedihkan. Dimana penyelidikan menunjukkan trend data yang konsisten merekodkan kira-kira satu pertiga daripada individu gelandangan mengalami masalah

alkohol dan dadah malahan kebanyakan daripada mereka telah mencatatkan kadar peratusan yang tinggi bergelut dengan penyalahgunaan bahan dan alkohol berbanding dengan populasi umum (Mohd Alif, Norruzeyati, & Mohammad, 2020). Selain itu, pada kebiasaannya tanggapan atau penilaian negatif iaitu stereotaip komuniti masyarakat majoritinya berlaku terhadap bekas banduan yang mempunyai rekod penglibatan penyalahgunaan dadah dan peminum alkohol. Pada realitinya, penyalahgunaan bahan ini menjadi faktor terbesar kebanyakan bekas banduan kehilangan tempat tinggal dan perlindungan dimana gangguan ketagihan yang melampau telah menjejaskan hubungan mereka dengan ahli keluarga dan mengakibatkan kehilangan pekerjaan (National Coalition Homeless, 2009).

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam kebanyakan situasi keterlibatan bekas banduan dalam penyalahgunaan bahan dan alkohol akibat daripada kehilangan tempat tinggal pada dasarnya bukanlah punca utama. Hal demikian kerana, ianya disebabkan oleh sikap bekas banduan itu sendiri yang sering kali beralih kepada penggunaan dadah dan alkohol sebagai langkah bagi menghadapi situasi kehidupan mereka yang mencabar (National Coalition Homeless, 2009). Misalnya, dapat diperhatikan bahawa bekas banduan ini menggunakan bahan dalam dadah dan alkohol ini sebagai cara untuk mendapatkan bantuan sementara bagi menyelesaikan masalah mereka. Namun, pada hakikatnya pergantungan yang tinggi terhadap bahan ini telah memburukkan lagi masalah mereka dimana ianya telah mengurangkan keupayaan mereka untuk mencapai kestabilan dalam mendapatkan pekerjaan ataupun rumah. Dengan demikian, pelbagai cabaran kehidupan misalnya kestabilan rumah, kelemahan ekonomi, dan ketidakpercayaan sosial telah menjurus kebanyakan bekas banduan terlibat dalam faktor penyalahgunaan bahan dan ketagihan dadah (Mohd Alif, et al, 2020) dimana ianya mendorong mereka menjadi gelandangan malahan turut berupaya membawa kepada peningkatan kes jenayah berulang.

#### 4.1.4. Masalah kesihatan mental

Golongan bekas banduan khususnya yang terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah sering kali menghadapi masalah kesihatan mental dimana ianya merupakan antara faktor yang mengakibatkan kebanyakan bekas banduan berakhir menjadi gelandangan di jalanan. Difahami, takrifan kesihatan mental ini mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan sosial dan emosi seseorang individu di mana gejala dan tanda-tanda kesihatan mental ini terjejas berpunca daripada masalah sosioekonomi, tekanan, penyakit fizikal, atau pertukaran keadaan persekitaran sosial secara mendadak (Yaacob, et al, 2017). Dengan demikian, dalam situasi kajian ini dapat dikatakan kesihatan mental ini terjadi berikutan seseorang bekas banduan itu mengalami tekanan secara fizikal, sosial, dan persekitaran yang timbul apabila mereka menghadapi kesukaran menyesuaikan diri dalam proses pengintegrasian semula dan menangani tekanan hidup. Pada asasnya tekanan berupaya mempengaruhi kesihatan mental kerana ianya boleh menjadi di luar kawalan yang akan menjejaskan keadaan fizikal dan emosi seseorang (Yaacob, et al, 2017).

Misalnya, bekas banduan yang mempunyai ketagihan penyalahgunaan dadah mempunyai hubungan perkaitan dengan masalah kesihatan mental yang kompleks dimana mereka sering kali dikaitkan dengan penyakit depresi, *bipolar*, *anxiety disorder*, *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD), dan *Borderline Personality Disorder* (BPD) (Zainal, 2022). Dapat dikemukakan bagi mereka yang telah berada di pusat pemulihan, didapati tahap kesihatan mental dilihat tidak berubah malahan ada di antara mereka

mempunyai keadaan mental yang semakin teruk. Ini terjadi berikutan pusat pemulihan berupaya memberi kesan terhadap kesihatan mental bekas banduan terutamanya tahap kebimbangan dan kemurungan disebabkan jaringan sosial mereka yang berkurangan kerana ada di antara mereka yang dibuang oleh ahli keluarga lalu mengakibatkan mereka hilang sokongan sosial yang penting dalam aspek pemulihan (Yaacob, et al, 2017). Justeru itu, kehidupan seorang bekas banduan yang penuh tekanan dan cabaran misalnya ketiadaan tempat tinggal stabil, tiada pekerjaan tetap, kehilangan sokongan, dan stigma serta persepsi negatif berupaya mendorong mereka menghadapi masalah kesihatan mental yang mengganggu kefungsiannya mereka dan pada akhirnya mengakibatkan mereka terjerumus dalam dunia gelandangan.

## 4.2. Faktor Ekonomi

Seterusnya adalah dari segi faktor ekonomi. Dapat dikatakan aspek ekonomi menjadi antara faktor utama bekas banduan menjadi gelandangan susulan kerana:

### 4.2.1. Ketiadaan pekerjaan

Selepas dibebaskan kebanyakan bekas banduan telah membuat keputusan memilih untuk menuju atau berhijrah ke kawasan bandar kerana mereka menyangka bahawa kepelbagaian ekonomi berupaya menawarkan peluang pekerjaan yang luas dimana ianya berupaya mengubah taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik. Misalnya, penulis dapat melihat fenomena berlakunya penumpuan ramai bekas banduan terutamanya di sekitar Jalan Chow Kit, berlokasi di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, mempunyai rekod jenayah dan pemenjaraan dengan gelaran banduan telah menyebabkan mereka gagal menempatkan diri dalam bidang pekerjaan yang stabil susulan kerana diskriminasi masyarakat dan stigma majikan yang memandang rendah terhadap mereka. Walaupun golongan ini telah berusaha, namun ketersediaan peluang pekerjaan untuk bekas banduan masih kekal terhad malahan sekiranya wujud mereka cenderung ditawarkan dengan gaji yang rendah, tanpa pemerolehan faedah, tanpa perlindungan kesatuan sekerja, atau keadaan pekerjaan yang berbahaya dengan skop jawatan yang kecil dan sementara dimana ianya tidak memberi pulangan untuk menampung kehidupan di masa akan datang (Sheppard, et al, 2020). Dapat dikatakan pekerjaan adalah halangan paling ketara yang perlu dihadapi oleh kebanyakan bekas banduan yang ingin mendapatkan pekerjaan di mana terdapat dua jenis halangan dalam pasaran buruh iaitu merangkumi penawaran dan permintaan (Zakaria, et al, 2018).

Aspek penawaran adalah merujuk kepada faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran iaitu kemahiran, sikap, ciri, dan pengalaman dimana didapati kebanyakan golongan bekas banduan ini mempunyai kemahiran kognitif yang terhad, terlibat dengan masalah kesihatan fizikal atau mental seperti HIV, AIDS, Hepatitis C, dan kemurungan, kekurangan pengalaman kerja, dan pencapaian akademik serta tahap pendidikan yang rendah (Sheppard, et al, 2020). Manakala di aspek permintaan pula adalah kebimbangan mengenai stigma majikan, pasaran ekonomi, dan dasar kerajaan dalam menyokong pekerjaan dalam kalangan bekas banduan misalnya, di kebanyakan negeri di bawah teori pengambilan cuai majikan akan dipertanggungjawabkan terhadap tindakan jenayah pekerja mereka lalu kebanyakan majikan enggan mengupah mereka kerana majikan dikehendaki menyemak aktiviti jenayah lampau mereka sebelum membuat keputusan (Zakaria, et al, 2018). Tambahan pula, dapat dikongsikan pandangan daripada seorang pengarah urusan syarikat iaitu Suthan Mookiah mengatakan kebanyakan daripada bekas banduan ini tidak berpeluang untuk bekerja kerana

berdepan dengan pelbagai masalah misalnya tiada sokongan keluarga, konflik keluarga, serta persepsi negatif masyarakat (Bahaudin, 2022). Justeru itu, faktor ketiadaan pekerjaan ini telah menyebabkan mereka menganggur yang mengagalkan mereka untuk memenuhi keperluan asas misalnya tempat tinggal iaitu rumah dan tidak mampu untuk menampung kos sara hidup yang tinggi di bandar lalu situasi ini telah mengakibatkan golongan bekas banduan meneruskan kehidupan menjadi gelandangan yang tinggal di jalanan.

### 4.3. Faktor Sosial

Akhir sekali, faktor gelandangan ini juga boleh disebabkan oleh faktor sosial yang wujud. Terdapat dua faktor sosial yang dikenal pasti. Penulis melampirkan seperti berikut:

#### 4.3.1. Diskriminasi masyarakat

Difahamkan kehidupan golongan berstatus bekas banduan ini apabila dibebaskan daripada tirai besi menjadi lebih terbeban dan semakin menderita dimana ianya susulan daripada diskriminasi masyarakat yang memandang rendah dan menganggap golongan ini sebagai sampah masyarakat yang mencemarkan pemandangan. Ini menggambarkan seolah-olah komuniti sudah membuang mereka, teragak-agak untuk memberikan mereka peluang kedua bagi memperbaiki kesilapan dimana anggapan ini akan mengakibatkan bekas banduan berterusan berada dalam fasa pemuluan yang telah menyukarkan mereka untuk berintegrasi dengan komuniti (Hidayat & Zakaria, 2018). Dapat dijelaskan diskriminasi atau stigma ini dikenakan ke atas individu oleh orang sekeliling serta masyarakat kerana mempunyai rekod jenayah dan sejarah pemenjaraan dimana melalui persepsi orang lain, pembawa stigma akan menjadi terhina sebaik sahaja sifat stigma iaitu rekod jenayah diketahui sebaik sahaja status mereka didedahkan (Sheppard, et al, 2020).

Justeru, diskriminasi ini amat terikat dengan orang yang memegang rekod jenayah mengakibatkan golongan ini sering terdedah untuk ditafsirkan sebagai individu yang berbahaya, tidak boleh dipercayai, dan kejam di mana akibatnya mereka berkemungkinan akan diperlakukan dengan permusuhan, ketakutan, dijauhkan serta dipinggirkan oleh masyarakat secara sosial melalui interaksi sosial (Sheppard, et al, 2020). Misalnya di Malaysia, diskriminasi masyarakat berbentuk penyisihan telah berlaku dimana bekas banduan terutamanya yang mempunyai rekod sebagai bekas penagih dadah tidak dibenarkan menggunakan kemudahan di Pusat Transit Gelandangan dan Anjung Singgah, inilah yang mengakibatkan mereka terpaksa menjadi gelandangan di jalanan yang merempat di kaki lima, bawah jejambat, atau lorong belakang bangunan disebabkan mereka tiada tempat untuk dituju (Rosli, 2019a). Difahamkan, bekas banduan terutamanya bekas penagih ini dihalang memanfaatkan kemudahan dua premis yang disediakan oleh pihak berkuasa itu adalah berpunca daripada persepsi kebimbangan pihak pengurusan terutamanya terhadap bekas banduan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah sekiranya mereka mempunyai penyakit kesihatan seperti AIDS atau HIV (Rosli, 2019b). Dengan demikian, stigma masyarakat yang memandang negatif terhadap golongan bekas banduan ini menjadi faktor halangan terbesar bagi bekas banduan untuk berubah menjadi lebih baik dan ianya turut menghalang mereka memperbetulkan kehidupan ke arah landasan yang betul.

#### 4.3.2. *Stigma majikan*

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap manusia pastinya melakukan kesalahan, inilah yang dilalui oleh individu yang bergelar banduan dimana kebanyakan daripada mereka ingin berubah kearah yang lebih baik. Tetapi ketiadaan peluang untuk mendapatkan pekerjaan telah menjadi halangan untuk mereka membina sebuah kehidupan yang baru lalu mengakibatkan mereka terpaksa hidup menjadi gelandangan. Misalnya, dapat dikongsikan kehidupan seorang bekas banduan yang mengatakan dia menghadapi kesukaran untuk memperoleh pekerjaan di Malaysia dimana dia sudah berusaha dan mencuba memohon pelbagai jenis pekerjaan termasuklah tukang cuci tetapi sampai sekarang dia masih belum diterima bekerja lebih-lebih lagi kerana statusnya sebagai bekas banduan (Shira, 2021). Situasi demikian berlaku kerana wujudnya faktor stigma majikan di mana kebanyakan majikan didapati enggan mengambil mereka bekerja hanya disebabkan berstatus bekas banduan (Shira, 2021) malahan kebanyakan penyelidik juga mendapati stigma ini terikat dengan penglibatan jenayah dan pemenjaraan dimana ianya telah mengehadkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan dalam pasaran kerja semasa (Sheppard, et al, 2020).

Justeru itu, di Malaysia keengganan majikan mengambil bekas banduan terutamanya bekas penagih dadah bekerja oleh majikan telah banyak diperdebatkan di mana satu kajian yang dilaksanakan di empat kawasan bandar utama merangkumi lebih 3,000 pertubuhan mendapati sebanyak 60 peratus daripada majikan menunjukkan bahawa mereka “tidak pasti” atau “tidak mungkin” mengambil individu yang mempunyai rekod jenayah atau dahulunya pernah dipenjarakan untuk bekerja di organisasi mereka (Zakaria, et al, 2016). Tambahan pula, kewujudan stigma yang dikaitkan dengan rekod jenayah telah mencetuskan kebimbangan dan persepsi negatif oleh majikan yang menganggap banduan ini sebagai liabiliti kepada organisasi lalu menjadikan mereka sukar mendapatkan pekerjaan. Misalnya, dapat dilihat kebanyakan majikan sukar memberikan kerjasama dalam memberikan peluang kepada bekas banduan yang dikategorikan sebagai Orang Kena Pengawasan (OKP) bagi mendapatkan pekerjaan dan meneruskan kehidupan baru kerana majikan tidak yakin dengan komitmen dan kebolehan OKP untuk bekerja di organisasi mereka (Zakaria, et al, 2016). Oleh itu, stigma pemenjaraan ini telah menimbulkan persepsi negatif majikan yang menjadi penghalang kepada bekas banduan untuk menjana pendapatan yang berupaya mengubah kehidupan mereka lalu mengakibatkan mereka terjerumus menjadi gelandangan di jalanan.

### **5. Kesan ke atas Cabaran Kehidupan di Jalanan yang Mempengaruhi Kualiti Hidup Gelandangan Bekas Banduan**

Seterusnya penulis akan membincangkan kesan ke atas cabaran kehidupan di jalanan. Hal ini penting apabila kehidupan di jalanan boleh memberi pengaruh besar kepada kesejahteraan dan kualiti hidup. Keadaan hidup yang miskin boleh menjejaskan kefungsi seseorang individu terutama gelandangan bekas banduan yang berada di jalanan ini. Maka, dengan itu, penulisan ini tampil dengan konteks berbeza daripada kajian-kajian sebelum ini bagi melaporkan tentang kesan yang boleh wujud disebabkan cabaran kehidupan yang melanda kepada gelandangan bekas banduan. Ia boleh mengisi kelompangan kepada pengetahuan yang ada tentang gelandangan bekas banduan dari sudut akademik. Pemahaman yang lebih lanjut untuk dapat membawa suara golongan ini ke tengah dengan harapan agar intervensi dan bantuan yang dapat diperkenalkan

dalam membantu golongan ini. Berikut, penulis melampirkan kesan-kesan yang dikenal pasti:

### **5.1. Penurunan tahap kesejahteraan kualiti sosial**

Adalah seia maklum bahawa, penyesuaian diri bekas banduan yang keluar daripada penjara ini ke dalam masyarakat itu terlalu nipis. Bekas banduan yang telah lama tinggal dalam penjara mereka tidak mempunyai hala tuju dan sering cenderung untuk memilih menjadi gelandangan. Kesejahteraan kualiti sosial bekas banduan ini dikatakan berada di tahap yang menurun kerana tidak mampu untuk menyesuaikan diri dalam sistem masyarakat tersebut. Seterusnya, bekas banduan ini mempunyai masalah dalam ingin meningkatkan kesejahteraan kualiti sosial mereka. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai pendapatan untuk memastikan mereka mendapatkan kehidupan yang sejahtera. Bekas banduan yang baru keluar daripada penjara ini tidak mempunyai kesejahteraan kualiti sosial yang baik kerana disisihkan oleh masyarakat. Dengan demikian, bekas banduan ini sering akan berasa tidak bahagia dan hidup hanya berseorangan kerana tidak mampu untuk bergaul dengan masyarakat. Golongan ini lebih selesa untuk bergaul dengan rakan-rakan senasib dan mengasing diri daripada masyarakat luar. Bagi mereka, masyarakat luar ini tidak mampu menerima mereka ini sebagai sebahagian dalam masyarakat. Kesejahteraan kualiti sosial ini sangat penting untuk memastikan seseorang itu mendapatkan kepuasan dalam menikmati kehidupan yang memberi kesan positif dalam hidup. Kesejahteraan hidup adalah satu perkara yang akan menyebabkan seseorang itu berasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna (Mohammad Faheem & Muhammad Idris, 2017). Dengan demikian, cabaran bekas banduan ini tidak mampu untuk mempunyai kesejahteraan kualiti sosial yang sempurna kerana tidak mendapatkan hak dan peluang daripada masyarakat untuk menjalani kehidupan yang baru. Masyarakat akan lebih mengingati sesuatu keburukan manusia berbanding kebaikan mereka. Oleh itu, hanya disebabkan bekas banduan ini mempunyai latar belakang dalam melakukan jenayah menyebabkan masyarakat meminggirkan bekas banduan ini dan tidak ingin memberi peluang untuk mereka membina kehidupan yang lebih baik.

### **5.2. Keperluan asas yang tidak dipenuhi secara seimbang**

Seterusnya, kesan juga didapati dari segi kegagalan memenuhi keperluan asas yang seimbang. Gelandangan bekas banduan yang ingin memulakan hidup baru ini sudah tentu tidak mampu untuk memenuhi segala keperluan asas secara seimbang. Hal ini demikian kerana, bekas banduan yang tidak mempunyai pekerjaan sudah tentu tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan serta pakaian. Tambahan pula, kemungkinan pekerjaan yang bekas banduan miliki itu adalah pekerjaan biasa dan mendapat pendapatan yang sedikit menyebabkan mereka tidak mampu untuk membeli keperluan asas dan hanya mampu hidup di jalanan. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang terpaksa melakukan kerja yang tidak sah bagi mendapatkan pendapatan. Sedangkan adalah sedia maklum bahawa, keperluan asas ini sangat penting untuk bekas banduan ini dalam meneruskan kehidupan seharian. Tambahan pula, manusia ini sememangnya memerlukan makanan dan minuman untuk memastikan mempunyai tenaga dalam kegiatan seharian. Sekiranya keperluan asas ini sudah tidak seimbang sudah tentu ia akan menyebabkan bekas banduan ini tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan kesejahteraan hidup yang lebih baik. Tambahan pula, cabaran hidup yang semakin meningkat apabila harga barang yang

semakin naik. Oleh hal yang demikian, bekas banduan yang mempunyai pendapatan yang rendah tidak mampu untuk menyediakan keperluan asas sepenuhnya.

Kemungkinan mereka hanya mampu untuk menyediakan makanan dan minuman namun tidak mampu untuk menyediakan tempat tinggal yang menyebabkan mereka terpaksa menjadi gelandangan di jalanan. Ramai di antara mereka yang terpaksa tinggal di jalanan disebabkan oleh kos sara hidup yang meningkat. Menurut Akta orang-orang Papa (1977) dan akta 183 menyatakan bahawa semua orang yang berpelesenan, mengemis dan berada di tempat-tempat awam yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna dan tiada pendapatan yang memuaskan dalam kehidupan (Muhammad Faheem & Muhammad Idris, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa, bekas banduan ini tidak mampu untuk mempunyai keperluan asas yang cukup dan lengkap. Tambahan pula, pendapatan yang tidak cukup untuk memenuhi segala keperluan yang mereka inginkan. Oleh itu, keperluan asas yang tidak dipenuhi secara seimbang ini merupakan kesan cabaran bagi bekas banduan hidup di jalanan yang akan mempengaruhi kualiti hidup gelandangan bekas banduan ini.

### 5.3. Pengulangan jenayah

Kesan cabaran yang seterusnya kemungkinan bekas banduan ini akan mengulangi jenayah. Hal ini demikian kerana, kekurangan penerimaan bekas banduan oleh masyarakat ini menyebabkan mereka lebih memilih jalan yang mudah untuk meneruskan kehidupan melalui kegiatan jenayah seperti mencuri, merompak dan sebagainya. Tambahan pula, cabaran yang mereka hadapi menyebabkan mendorong mereka untuk melakukan kegiatan jenayah lagi. Kesempitan kehidupan yang dihadapi oleh bekas banduan ini menyebabkan mereka terpaksa untuk mereka mendapatkan dengan cara yang salah dengan demikian ini akan menyebabkan kes jenayah akan semakin meningkat di Malaysia. Menurut Mohd Alif et al. (2018), ada mengatakan bahawa bilangan banduan pengulangan jenayah iaitu bekas banduan yang ditangkap atas jenayah yang dilakukan yang kemudiannya dihukum pemenjaraan semula semakin meningkat. Misalnya, dapat dikemukakan kenyataan daripada seorang bekas banduan bernama Salleh Talib menyatakan bahawa desakan hidup telah memaksa dia melakukan jenayah dimana niat asalnya untuk mengubah kehidupan dengan mencari pekerjaan di Kuala Nerang menjadi sebaliknya apabila lama kelamaan akibat terdesak untuk mendapatkan wang dia mula melakukan jenayah seperti mencuri, merompak, dan pecah masuk premis (Affandi, 2020).

Tambahan pula, bekas banduan yang mengulangi jenayah mereka kerana mereka tidak serik serta ada yang terpaksa untuk menampung kehidupan mereka selepas dikeluarkan daripada penjara untuk meneruskan kehidupan yang semakin mencabar di bandar. Di samping itu, kemungkinan bekas banduan ini beranggapan bahawa tinggal di penjara lebih baik berbanding tinggal di luar penjara. Hal ini bermaksud bahawa bekas banduan yang sudah terbiasa dengan tinggal di penjara untuk tempoh yang bertahun-tahun. Keadaan ini menyebabkan sebaik keluar daripada penjara membuatkan mereka terpaksa menghadapi cabaran hidup dalam proses integrasi semula yang perlu dilalui. Kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan dan keadaan hidup yang rumitkan telah membuatkan golongan ini berada dalam keadaan paras kemiskinan yang tegar. Keadaan ini menyebabkan terdapat daripada yang memilih melakukan kaedah yang tidak sah untuk memperoleh pendapatan bagi menampung hidup. Kebanyakan aktiviti yang tidak sah ini boleh cenderung membuatkan mereka ditangkap dan dipenjarakan semula.

#### 5.4. Ketiadaan peluang untuk mengubah nasib

Gelandangan bekas banduan yang tinggal di jalanan ini dikatakan tidak akan mempunyai peluang dalam untuk mengubah nasib. Hal ini demikian kerana, bekas banduan sendiri yang tidak ingin berusaha untuk mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik dan berkualiti. Tambahan pula, mereka tidak mampu untuk mengubah nasib mereka dengan mempunyai latar belakang jenayah yang dimiliki. Adalah diketahui bahawa majikan yang ingin menjaga status syarikat tidak akan menerima pekerja daripada bekas banduan walaupun bekas banduan ini pernah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Disebabkan jenayah yang mereka miliki mereka di cop sebagai penjahat dan tidak diterima oleh masyarakat. Lebih-lebih lagi bekas banduan yang mempunyai tahap pendidikan rendah memang tidak dinafikan tidak mampu untuk mengubah nasib menyebabkan mereka berakhir menjadi gelandangan di jalanan.

Di samping itu, bekas banduan ini tidak diberi peluang untuk melakukan aktiviti harian masyarakat seperti biasa. Oleh itu, ini menyebabkan bekas banduan ini menjadi pengemis di jalanan serta mengharapkan bantuan daripada sekeliling untuk meneruskan hidup. Tambahan pula, mereka yang mudah putus asa ini akan beranggapan bahawa mereka tidak layak untuk berubah menjadi kehidupan dengan lebih baik atas kesalahan yang pernah mereka lakukan. Sekiranya bekas banduan ini diberi peluang untuk mengubah nasib sudah tentu mereka tidak akan tinggal di jalanan ini. Malahan, mereka boleh menjalani kehidupan seperti masyarakat biasa. Namun demikian, nasib yang tidak untung menyebabkan mereka terpaksa berakhir di jalanan. Mereka tidak mampu untuk berubah dan mendapatkan kehidupan yang berkualiti disebabkan cabaran hidup yang kian lama semakin meningkat.

#### 5.5. Kehilangan harapan dan motivasi

Seterusnya, bekas banduan yang tidak mengubah nasib ini dikatakan akan kehilangan harapan dan motivasi diri. Bekas banduan ini tidak akan bersemangat dalam menjalani kehidupan. Hal ini demikian kerana, bekas banduan ini dikatakan sudah berputus asa dengan setiap hari kehidupan yang mereka jalani. Menurut [Mohd Alif et al. \(2021b\)](#) ada mengatakan bahawa mereka sedar perjalanan hidup mereka tetap akan berakhir sebagai gelandangan. Hal ini menunjukkan bahawa bekas banduan ini terpaksa menjalani kehidupan sebagai gelandangan dan tidak mempunyai harapan menjalani kehidupan seperti biasa. Tambahan pula, perspektif masyarakat yang sering mengingatkan masa lalu seseorang dan tidak ingin memberi peluang bekas banduan ini berubah menyebabkan mendorong mereka untuk tidak mempunyai motivasi diri dalam kehidupan.

Mereka hanya mampu menyerah dengan apa yang mereka ada ini menyebabkan peningkatan kepada gelandangan di jalanan. Tambahan pula, ia akan menjejaskan imej negara sekiranya masyarakat menjadi gelandangan menunjukkan sesebuah negara ini tidak maju kerana tidak menjaga aspek kebajikan sosial, ekonomi masyarakat. Namun demikian, gelandangan bekas banduan ini tidak mempunyai motivasi diri dalam meningkatkan kualiti mereka dan kesukaran untuk berdepan dengan masyarakat selepas keluar daripada penjara. Masyarakat yang sering memandang serong menyebabkan bekas banduan ini berasa malu yang menyebabkan ia kehilangan harapan untuk memajukan diri. Mereka lebih suka untuk menyendiri dan jauh daripada masyarakat tinggal di jalanan tanpa menghiraukan pandangan masyarakat terhadap gelandangan bekas banduan ini. Oleh itu, kehilangan harapan dan motivasi ini

merupakan salah satu kesan cabaran bagi gelandangan bekas banduan ini meningkatkan kualiti hidup.

### **5.6. Kehidupan pergantungan tanpa sistem sokongan**

Kesan yang seterusnya ialah kehidupan pergantungan tanpa sistem sokongan. Hal ini demikian kerana, bekas banduan ini hanya bergantung terhadap bantuan pihak kerajaan dan tidak ingin dalam keluar daripada zon mereka sendiri. Tambahan pula, bekas banduan ini dikatakan tidak mempunyai sokongan daripada masyarakat mahupun ahli keluarga sendiri. Mereka tidak boleh meneruskan hidup sebagai masyarakat biasa kerana dipandang serong oleh masyarakat sekeliling bahawa bekas banduan ini mempunyai satu pandangan negatif kerana disebabkan kesalahan jenayah yang mereka pernah lakukan. Seterusnya, mereka lebih memilih jalan mudah dengan tinggal di jalanan. Hal ini demikian kerana, mereka tidak perlu untuk memikirkan ingin membayar sewa perumahan, keperluan makanan, pakaian dan sebagainya. Selain itu, tiada sokongan daripada masyarakat sendiri yang menyebabkan mereka mudah putus asa dan membiarkan diri untuk lebih memilih menjadi gelandangan. Gelandangan bekas banduan yang tidak mempunyai sokongan ini dikatakan menyebabkan mendorong mereka untuk melakukan kegiatan jenayah.

Dengan demikian, ini secara tidak langsung menyebabkan bekas banduan mudah menyerah untuk mengubah diri menjadi yang lebih baik. Tambahan pula, menurut [Fahmy \(2019\)](#) ada mengatakan bahawa sikap sebegini menggambarkan ahli keluarga gagal menaruh kepercayaan terhadap bekas banduan. Hal ini menunjukkan, ahli keluarga sendiri menunjukkan pasangan yang negatif terhadap bekas banduan tersebut. Segelintir ahli keluarga yang mementingkan taraf atau status menyebabkan mereka tidak menerima bekas banduan yang merupakan ahli keluarga mereka sendiri kerana mempunyai perasaan malu disebabkan ada ahli keluarga sebagai bekas banduan. Oleh itu, sokongan daripada ahli keluarga ini sangat penting bagi memastikan bekas banduan ini mendapatkan semangat. Hal ini demikian kerana, ahli keluarga merupakan darah daging yang boleh memberi impak positif kepada bekas banduan. Kemungkinan bekas banduan ini lebih akan mendengar nasihat ahli keluarga untuk berubah menjadi lebih baik dan membina kehidupan yang berkualiti. Sekiranya tiada sokongan atau semangat daripada keluarga atau masyarakat akan menyebabkan bekas banduan ini cenderung mengulangi kesalahan secara berterusan.

### **5.7. Perjalanan hidup yang kompleks dan tertekan**

Jika dilihat dari segi perjalanan hidup yang semakin lama semakin mencabar dan masyarakat bersaing untuk meningkatkan kualiti hidup yang baik. Justeru, bekas banduan ini lebih menghadapi cabaran disebabkan kegagalan dalam meneruskan kehidupan yang berkualiti. Hal ini demikian kerana, mereka terpaksa menerima cacian dan hinaan masyarakat untuk berada dalam sosial kemasyarakatan. Sebagai contohnya, bekas banduan yang bekerja akan terpaksa menghadapi hinaan daripada majikan mereka. Seterusnya, bekas banduan ini terpaksa mengharungi segala cabaran dunia luar yang menyebabkan mereka lebih memilih berakhir untuk menjadi gelandangan. Tambahan pula, mereka akan berasa tertekan dan mudah kecewa atas perlakuan masyarakat terhadap mereka. Tambahan pula, cabaran yang dihadapi bekas banduan dalam kehidupan ini menyebabkan mereka terpaksa menjadi gelandangan di jalanan. Jika dilihat dengan lebih mendalam, mereka ini semua telah melalui rintangan di dalam penjara dengan menerima denda atas kesilapan yang mereka lakukan. Namun, didapati

hukuman itu seakan berterusan sehingga di luar penjara. Mereka dihukum dari segi layanan buruk dan di diskriminasi yang dikenakan oleh masyarakat sekeliling. Lebih-lebih lagi perjalanan hidup bekas banduan menjadi gelandangan tertekan dengan masyarakat sekeliling yang tidak ingin menerima dan memberi peluang untuk mereka. Seterusnya, mereka sering dilabel penjenayah walaupun perkara itu telah lama berlalu menyebabkan emosi mereka yang menjadi tidak stabil disebabkan cabaran disisihkan oleh masyarakat.

## **6. Cadangan Langkah Intervensi Yang Diambil Dalam Meningkatkan Tahap Kesejahteraan Hidup Gelandangan Bekas Banduan**

Gelandangan bekas banduan ini merupakan individu yang telah menerima hukuman atas kesalahan yang dilakukan dan seterusnya dibebaskan di penjara. Gelandangan bekas banduan ini berhak diberi peluang untuk memulakan kehidupan baru dalam melakukan kegiatan seharian mereka. Walaupun gelandangan bekas banduan ini dikatakan telah melakukan beberapa jenayah namun demikian keperluan dalam membantu mereka menerusi cadangan langkah-langkah inisiatif yang dapat dilaksanakan oleh pihak yang terlibat sama ada melalui pihak kerajaan atau pihak bukan kerajaan (NGO). Selain itu, usaha masyarakat setempat juga amat penting untuk membantu gelandangan bekas banduan ini mendapatkan kesejahteraan hidup yang seimbang dan berkualiti bagi mencegah mereka daripada berakhir di jalanan menjadi gelandangan. Berikut merupakan antara cadangan pendekatan langkah:

### **6.1. Pihak Kerajaan**

Pertama sekali, agensi kerajaan perlu bergiat dalam membantu gelandangan bekas banduan. Keperluan memperkenalkan strategi yang dapat digunakan dalam mengeluarkan gelandangan bekas banduan daripada kehidupan jalanan. Berikut antara cadangan yang boleh digunakan oleh agensi kerajaan dalam membantu gelandangan bekas banduan:

#### *6.1.1. Meneruskan dan merancakkan Projek Reben Kuning dengan lebih aktif bagi memberi peluang pekerjaan kepada gelandangan bekas banduan*

Antara langkah yang pertama ialah merancakkan projek Reben Kuning yang pernah diperkenalkan di dalam negara dalam membantu bekas banduan. Secara umumnya, projek Reben Kuning merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membantu dalam memberikan peluang pekerjaan kepada bekas banduan ini bagi memastikan proses integrasi semula yang berjaya dan mengelakkan mereka daripada terus menjadi gelandangan. Projek Reben Kuning merupakan salah satu proaktif bagi memastikan bekas banduan ini mendapat khidmat dorongan dalam memulakan sesuatu kehidupan. Tambahan pula, projek ini telah lama dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2018 iaitu melalui kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN). Di samping itu, projek ini bertujuan untuk memulihkan kembali akhlak bekas banduan ini terutamanya kepada golongan belia. Projek ini merupakan bukti kerajaan bagi memastikan bahawa ia bertanggungjawab dalam memastikan bahawa bekas banduan juga mendapat peluang untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik. Dengan demikian, ini akan menyebabkan bekas banduan ini tidak perlu memikirkan kesilapan mereka terdahulu dengan menjadi masyarakat yang berbakti kepada negara.

Menurut [Majlis Belia Malaysia \(2019\)](#) ada mengatakan bahawa, MBM yang terlibat sama dalam Projek Reben Kuning turut membantu dengan menyediakan 'Job Coaching' kepada banduan muda sebelum mereka keluar dari penjara. Hal ini menunjukkan bahawa, projek reben kuning ini akan memberi bantuan untuk bekas banduan ini mendapatkan pekerjaan dan terbiasa dalam suasana masyarakat. Di samping itu, peluang pendidikan bagi bekas banduan untuk memberi ruang dan peluang dalam menjadi orang yang berguna terhadap individu, masyarakat serta negara. Seterusnya, projek ini untuk memberi sokongan kepada bekas banduan untuk mempunyai keyakinan diri dalam berdepan dengan masyarakat. Dengan adanya projek ini, bekas banduan ini juga mendapatkan jaminan dalam masa depan selepas keluar daripada penjara. Bagi pandangan penulis, projek ini perlu dirancarkan dan diteruskan agar membolehkan lebih ramai bekas banduan yang dibebaskan di masa akan datang dapat menikmati program sebegini. Hal ini kerana, matlamat dan objektif yang baik sebegini harus diangkat agar keupayaan membantu mengelakkan lebih ramai bekas banduan mengalami kegagalan dalam proses integrasi semula.

#### *6.1.2. Menyediakan lebih banyak rumah perantaraan sebagai penempatan sementara untuk bekas banduan yang baru dibebaskan*

Pada asasnya, cabaran utama yang perlu dihadapi oleh kebanyakan golongan bekas banduan selepas dibebaskan daripada penjara adalah menghadapi dilema dalam mencari tempat tinggal iaitu rumah disebabkan kebanyakan daripada mereka telah dibuang keluarga. Situasi ini menjadi suatu pertanyaan dalam fikiran mereka mengenai dimanakah mereka boleh tidur dan berlindung. Kegagalan dalam mendapatkan tempat tinggal telah sekaligus menjadi peristiwa pertama kisah bermulanya seorang bekas banduan terpaksa menjadi gelandangan di jalanan. Susulan kerana ketiadaan hala tuju telah menjadi faktor kritikal yang berupaya menghalang proses integrasi semula dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, hasil kerjasama pihak kerajaan dengan Jabatan Penjara Malaysia serta Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah mengorak langkah bagi menyelesaikan masalah ini dengan memperkenalkan rumah perantaraan atau dikenali sebagai istilah "halfway house" yang memberi peluang khususnya kepada bekas banduan untuk memperoleh tempat persinggahan yang berupaya membantu proses peralihan mereka untuk menempatkan diri dalam kehidupan berk komuniti selepas dibebaskan ([Mohd Alif et al., 2019b](#)). Rumah perantaraan ini dapat ditakrifkan sebagai pusat pemulihan komuniti atau pusat pemulihan bercorak kediaman yang bersifat sementara disediakan untuk bekas banduan dalam membina sebuah kehidupan baharu selepas menjalani hukuman penjara dan Perintah Parol ([Mohd Alif et al., 2019b](#)).

Dapat dikatakan objektif utama inisiatif ini adalah bagi membantu Jabatan Penjara Malaysia mengurangkan kadar residisisme iaitu pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan malahan berperanan dalam menghubungkan bekas banduan dengan perkhidmatan sosial. Tambahan pula, rumah perantaraan ini juga menawarkan peluang yang lebih luas kepada bekas banduan untuk mendapatkan sebuah pekerjaan yang bersesuaian di luar penjara. Di samping itu, rumah perantaraan ini juga menekankan tentang konsep pemulihan yakni menyediakan persekitaran yang bersifat lebih kondusif kepada bekas banduan dimana ianya memberikan sokongan dan perlindungan dalam memastikan mereka tidak tertekan dan terabai dengan diskriminasi dan stigma negatif masyarakat malahan berupaya menjamin kesihatan mental dan emosi yang baik dimana ianya membantu mereka berupaya mengintegrasikan diri semula dengan masyarakat secara lancar ([Mohd Alif et al., 2019b](#)). Oleh itu, langkah ini adalah salah satu inisiatif wadah baru transformasi dalam menjamin proses pemulihan bekas banduan yang lebih

baik dimana ianya akan mengelakkan mereka daripada terjerumus menjadi gelandangan. Bagi pandangan penulis, penyediaan rumah perantaraan perlu diperbanyakkan lagi agar lebih ramai bekas banduan dapat menikmati peluang menggunakan perkhidmatan. Keperluan untuk memperuntukkan lebih tinggi peruntukkan untuk menyediakan rumah perantaraan di setiap kawasan yang menjadi tumpuan golongan ini. Di samping, keperluan dalam memperkenalkan program-program lain secara bersama bagi memastikan keberkesanan program rumah perantaraan ini. Maka dengan itu, rumah perantaraan tidak hanya sekadar sebagai tempat tinggal buat golongan ini tetapi boleh menjadi tempat untuk mereka mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

### *6.1.3. Mewujudkan lebih banyak pusat transit gelandangan*

Pihak kerajaan juga perlu mewujudkan lebih banyak pusat transit gelandangan untuk gelandangan ini supaya tidak merempat di mana-mana tempat. Hal ini demikian kerana, pusat transit yang dilaksanakan ini akan memberi kelebihan kepada gelandangan terutama gelandangan bekas banduan ini. Keadaan ini membolehkan mereka memiliki tempat tinggal yang disediakan dan tidak perlu berkeliaran di mana-mana tempat. Pusat transit diwujudkan ini ibarat memberi harapan kepada gelandangan bekas banduan untuk dapat meneruskan kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Pusat transit ini dapat memberi kemudahan serta perlindungan kepada gelandangan bekas banduan ini untuk mendapatkan keperluan asas. Menurut [Majlis Keselamatan Negara \(2021\)](#), kerajaan telah mewujudkan Pusat Transit Gelandangan di jalan Pahang yang menjadi pusat penempatan transit kepada gelandangan sejak tahun 2016 dan pusat transit gelandangan di Taman Desa yang lebih dikenali sebagai Anjung Kelana pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan bahawa, kerajaan telah melaksanakan program pemusatan transit bagi gelandangan ini. Dengan demikian, pihak kerajaan ini perlu mewujudkan dan memperkasakan pusat transit gelandangan ini di semua negeri bagi memastikan dapat menampung gelandangan bekas banduan yang ada. Oleh hal yang demikian, ini secara tidak langsung dapat mengurangkan gelandangan bekas banduan yang berada di jalanan ini. Hal ini dikatakan bahawa, bekas banduan ini amat memerlukan bimbingan untuk mendapatkan kembali kebangkitan semangat mereka untuk menghadapi segala cabaran dan penerimaan masyarakat terhadap bekas banduan ini.

## **6.2. Pihak Bukan Kerajaan (NGO)**

Selain agensi kerajaan, bagi pendapat penulis, Pihak bukan kerajaan juga boleh memainkan peranan yang penting dalam membantu mengeluarkan gelandangan bekas banduan dari kehidupan jalanan. Penulis berpandangan masyarakat boleh memainkan peranan penting untuk memberi sokongan dan peluang kedua kepada gelandangan bekas banduan. Hal ini demikian kerana, sokongan masyarakat ini akan membuatkan gelandangan bekas banduan ini mendapatkan dorongan untuk berubah. Gelandangan bekas banduan juga merupakan manusia biasa dan telah melakukan kesilapan. Dengan adanya bantuan dari pihak bukan kerajaan ini membolehkan mereka mendapatkan peluang kedua untuk memajukan diri mereka menjadi lebih berkualiti. Mereka sepatutnya dapat diberi peluang untuk membina kehidupan yang baru serta melakukan aktiviti harian seperti masyarakat yang lain. Masyarakat perlu memberi semangat kepada bekas banduan untuk melupakan segalanya dan cuba hidup dengan lebih baik. Masyarakat ini dikatakan memberi pengaruh yang besar terhadap gelandangan bekas banduan ini kerana masyarakat ini saling bergantung di persekitaran mereka. Tambahan pula, penerimaan masyarakat terhadap gelandangan bekas banduan dalam

persekitaran ini akan menyebabkan mereka akan lebih berusaha dapat mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik disebabkan sokongan yang diberikan oleh masyarakat. Tanggungjawab memastikan bekas banduan boleh kembali dalam masyarakat bukanlah terletak di bahu kerajaan semata-mata, tetapi anggota masyarakat perlu turut sama memainkan peranan dalam konteks sosial agar bekas penghuni dapat kembali dan menjalani kehidupan yang lebih positif. Hal ini menunjukkan masyarakat ini sangat penting dalam interaksi antara satu sama lain kerana ia akan memberi impak yang positif kepada gelandangan bekas banduan sekiranya masyarakat ini dapat menerima mereka dalam konteks kehidupan mereka. Masyarakat tidak boleh menghukum dan menyisihkan gelandangan bekas banduan. Hal ini kerana masyarakat perlu sering memberi dorongan dan sokongan agar mereka mendapatkan meneruskan kehidupan dengan baik.

## 7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan golongan bekas banduan yang berakhir hidup sebagai gelandangan ini terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor peribadi, ekonomi dan sosial malahan kehidupan di jalanan berpotensi membawa kesan negatif besar yang telah menghalang gelandangan bekas banduan ini daripada menikmati sebuah kehidupan yang sejahtera dan berkualiti. Dapat difahami situasi dan perjalanan hidup seorang bekas banduan yang dilabel disebabkan rekod jenayah yang dimiliki di masa lalu. Diskriminasi masyarakat yang berterusan menyisihkan golongan ini daripada menikmati segala kemudahan diikuti stigma majikan yang memandang rendah telah menyebabkan mereka tidak memiliki peluang kedua untuk membina sebuah kehidupan yang lebih baik. Justeru itu, golongan ini sering kali terlibat dalam aktiviti residivisme iaitu pengulangan jenayah sebagai tindakan drastik di atas segala tekanan untuk mereka meneruskan hidup. Kesempitan hidup di jalanan dengan suasana yang kotor dan tidak terurus berupaya menyebabkan golongan bekas banduan kehilangan motivasi dan berputus asa dimana ianya telah menjadi penghalang untuk mereka berusaha keluar daripada dunia gelandangan. Oleh itu, amat diharapkan agar hasil perbincangan kertas konsep ini berupaya meraih dan menjadi input kepada pihak kerajaan untuk memahami dengan lebih jelas tentang kualiti hidup dalam kalangan bekas banduan dimana pelbagai tindakan dan pendekatan langkah proaktif harus dilaksanakan bagi membantu meringankan beban golongan ini yang berjuang untuk hidup malahan memastikan terdapatnya peluang untuk gelandangan bekas banduan mengintegrasikan semula dalam kalangan masyarakat bagi membolehkan mereka menikmati sebuah kehidupan yang sejahtera, berkualiti, dan bermakna.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kertas konsep ini diilhamkan dari perjalanan Doktor Falsafah (Ph.D) kedua yang sedang dilakukan oleh penulis pertama iaitu Mohd Alif bin Jasni yang telah bermula dari Februari 2019 Beliau sedang mengikuti pelajaran Doktor Falsafah dalam bidang kerja sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum ini, beliau banyak melakukan kajian tentang pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan. Dari pelbagai kajian tersebut, telah menyedarkan bahawa golongan ini hadir dari kalangan yang hidup bergelandangan di jalanan. Keadaan ini membuatkan beliau telah mula mengiatkan perbincangan tentang gelandangan bekas banduan dari sudut kerja sosial. Beliau mempercayai bahawa bidang kerja sosial dapat digunakan dalam membantu gelandangan bekas banduan yang ada di Malaysia ini. Di samping itu, terima kasih buat

ketiga-tiga penulis bersama yang merupakan pensyarah kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan penyelia yang membantu beliau dalam kajian Doktor Falsafah (Ph.D) kedua yang sedang diikuti ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Affandi, O. (2020, Jun 18). Kisah Tahanan Penjara Malaysia Dengan Rekod Paling Panjang Dan Dibebaskan. *Iluminasi.com*. Diakses pada 25 Julai, 2022 daripada <https://iluminasi.com/bm/kisah-tahanan-penjara-rekod-paling-lama-di-malaysia-yang-sudah-dibebaskan.html>
- Berawi, F, M., & Ismail, N, A. (2019, Januari). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan Awal. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.11.690.57287>.
- Bowpitt, G. (2019, November 05). Homeless: More Than A Third Leaving Prison Say They Have Nowhere To Go. *Eachother*. Diakses pada 15 Julai, 2022 daripada <https://eachother.org.uk/homeless-leaving-prison/>
- Bahaudin, N, H. (2022, 18 Jun). Peluang Bina Hidup Baharu. *Harian Metro Online*. Diakses pada 25 Jun, 2022 daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/06/853096/peluang-bina-hidup-baharu>
- Couloute, L. (2018, Ogos). Nowhere to Go: Homelessness among Formerly Incarcerated People. *Prison Policy Initiative*. Diakses pada 25 Julai, 2022 daripada <https://www.prisonpolicy.org/reports/housing.html>
- Driesche, F, V, D. (2020, Januari 09). Homelessness an issue for one in three prisoners. *Phys.org*. Diakses pada 14 Julai, 2022 daripada <https://phys.org/news/2020-01-homelessness-issue-prisoners.html>
- Fahmy Azril. (10 Jun 2019). Peluang kedua elak bekas banduan tersisih. *Berita Harian*. Bahan ini diakses pada 10 Julai daripada <https://www.bharian.com.my/amp/rencana/komentar/2019/06/572561/peluan-g-kedua-elak-bekas-banduan-tersisih>
- Hamidah, S. (2018, Oktober 30). Jumlah Banduan (Sabitan) Mengikut Jantina dan Negeri). *Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA)*. Diakses pada 25 Jun, 2022 daripada [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/jumlah-banduan-sabitan-mengikut-jantina-dan-negeri](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/jumlah-banduan-sabitan-mengikut-jantina-dan-negeri)
- Hidayat, N, D., & Zakaria, M, S. (2018). Isu dan Halangan Bagi Bekas Pesalah untuk Bekerja: Satu Perspektif. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3) (2018): 62-68.
- Hunt, D. (2014, Jun 25). Most ex-prisoners unemployed or homeless six months after release, study says. *ABC.Com*. Diakses pada 15 Julai, 2022 daripada

- <https://www.abc.net.au/news/2014-06-25/australian-study-of-ex-prisoners-finds-high-rates-homelessness/5548430>
- Hussain, N, H. (2021, November 23) Hampir 2 juta banduan dibebaskan dalam tempoh 10 tahun. *Sinar Harian Online*. Diakses pada 21 Julai, 2022, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/173986/BERITA/Nasional/Hampir-2-juta-banduan-dibebaskan-dalam-tempoh-10-tahun>
- Majlis Belia Malaysia. (2019). Projek Reben Kuning Usaha Kerajaan Bantu Belia Bekas Banduan dan Bermasalah. *Majlis Belia Malaysia*. Bahan ini diakses pada 10 Julai 2022 daripada <https://belia.org.my/wp/2019/05/05/projek-reben-kuning-usaha-kerajaan-bantu-belia-bekas-banduan-dan-bermasalah/>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021). 235 Gelandangan telah ditawarkan pekerjaan. *Majlis Keselamatan Negara*. Bahan ini diakses pada 15 Julai 2022 daripada <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2021/10/27/235-gelandangan-telah-ditawarkan-pekerjaan/>
- Mohd Alif, J., Norruzeyati, C, M, N., & Mohammad, N, H. (2020, Januari). Hubungan Kekeluargaan Dalam Menentukan Kejayaan Atau Kegagalan Bekas Banduan Dalam Proses Integrasi Semula. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(2), 186-197.
- Mohd Alif, J., Siti Hajar. A. B. A., Norruzeyati. C., & Noralina. O. (2021a). Faktor Mempengaruhi Bekas Banduan menjadi Gelandangan: Kajian Kes di Kuala Lumpur. *Jurnal Perspektif*, 13(1) (102- 116). <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.9.2021>
- Mohd Alif, J., Siti Hajar. A. B. A., Norruzeyati. C., & Noralina. O. (2021b). Kehidupan Gelandangan Bekas Banduan dari Perspektif Ekologi: Kajian Kes di Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografi*, 9(1), 62-84. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol9.1.4.2021>
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A, B, A., Jal Zabdi. M. Y., Khairiyah. M. S., Noralina. O., & Zaiton. A. (2019a). Family refusal as a contributing factor to the homelessness problem among former prisoners in Malaysia. *Sarjana*, 34(1), 23-37.
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A, B, A., Jal Zabdi, M, Y., Khairiyah, M, S., Noralina, O., & Zaiton, A. (2019b). Had Fungsi Rumah Perantaraan Sebagai Penempatan Sementara Untuk Bekas Banduan di Malaysia. *Akademika*, 89(2), 17-31. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-02>
- Mohd Alif, J. Siti Hajar, A.B.A., Jal Zabdi. M. Y., Khairiyah. M. S., Noralina. O., & Zaiton. A. (2018). Pengangguran Dalam Kalangan Bekas Banduan Sebagai Faktor Peramal kepada Pengulangan Jenayah di Malaysia : Kajian Kes Ke atas bekas banduan di jalan Chow Kit. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 19-39
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A, B., Noralina, O., & Norruzeyati, C, M, N. (2021c). Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-Teori Utama Tingkahlaku Jenayah. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 44-66.
- Mohammad Faheem, M, D., & Muhammad Idris, B @ B. (2017). Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan. *Jurnal Psikologi dan Kesehatan Sosial (JPsiKS)* 1, 53-62.
- National Low Income Housing Coalition. (2018, Ogos 20). Formerly Incarcerated People Are Nearly 10 Times More Likely to be Homeless. *National Low Income Housing Coalition*. Diakses pada 15 Julai, 2022 daripada <https://nlihc.org/resource/formerly-incarcerated-people-are-nearly-10-times-more-likely-be-homeless>
- National Coalition for The Homeless. (2009). Substance Abuse and Homelessness. *Bringing America Home*.

- Ramli, M, W., & Dawood, S, R, S. (2017, Oktober 31). Memahami Permasalahan Golongan Terpinggir di Bandar: Kajian Kes Gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi* 5(2), 78-94.
- Rosli. F. A. (2019a). Peluang kedua elak bekas banduan tersisih. *Berita Harian Online*. Diakses pada 15 Jun, 2022 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/06/572561/peluang-kedua-elak-bekas-banduan-tersisih>
- Rosli. F. A. (2019b). 90 Peratus Bekas Banduan Disisih, Tiada Tempat Dituju Antara Punca Terpaksa Hidup Sebagai Gelandangan. *Pressreader.com*. Diakses pada 17 Jun, 2022 daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20190427/281517932533809>
- Sharifah Mariam Alhabshi & Alifatul Kamilah Abdul Manan. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1-9.
- Sheppard, A., & Ricciardelli, R. (2020). Employment after prison: Navigating conditions of precarity and Stigma. *European Journal of Probation*, 12(1) 34-52.
- Shira. (2021, Februari, 11). "Gaji Kami 30 Sen Je Sehari" - Bekas Banduan Kongsi Pengalaman "Bekerja" Di Dalam Penjara. *OhBulan*. Diakses pada 24 Jun, 2022 daripada <https://ohbulan.com/gaji-kami-30-sen-je-sehari-bekas-banduan-kongsi-pengalaman-bekerja-di-dalam-penjara>
- Yaacob, K, B, K., Mohd Suhaimi, M., & Norulhuda, S. (2017). Isu Gelandangan Di Malaysia: Tahap Kesihatan Mental & Kemahiran Hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*, 119-131.
- Yap, J. (2020, May 18). Gelandangan oh gelandangan. Diakses pada 15 Jun, 2022 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/83978/KOLUMNIS/Gelandangan-oh-gelandangan>
- Zakaria, E., Fauziah, I., Salina, N., Norjana, S., & Mohd Norahim, M, S. (2016). Perbandingan Peluang Pekerjaan Oleh Majikan Kepada Bekas Penagih Dadah di Malaysia. *JATI*, 21, 125-142.
- Zakaria, S, M., Jaafar, J, R., & Lazim, N, H, M. (2018). Employment Issues Among Ex-Offenders: Difficulties in Securing Employment and Barriers of Employment. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly, and Disabled*, 5, 1-10.
- Zainal. (2022, April 15). Yusri Sahrin: Bekas Penagih Dan Gelandangan Kini Miliki Perniagaan Sendiri, Bantu Bekas Penagih Lain. *Wiki Impact.com*. Diakses pada 27 Jun, 2022 daripada <https://www.wikiimpact.com/yusri-sahrin-bekas-penagih-dan-gelandangan-kini-miliki-perniagaan-sendiri-bantu-bekas-penagih-lain/>